

HARI MINGGU 14 DISEMBER 2025		
KETUI SEMBIANG	The Revd Ron Bunchol	
JAKU AJAR	Reader Gabriel Henry Ajin	
SEMPEKAT LAMA	Isaiah 35:1-10	Sdri Esther Hannah
SEMPEKAT BARU	James 5:7-10	Sdr Puli Langga
INJIL	Matthew 11: 2-11	Reader Gabriel Henry Ajin
SAMPI PINTA	Sdr Puli Langga	

KEAHLIAN GEREJA

Sekiranya anda dipanggil Tuhan untuk bersama-sama merealisasikan **VISI** dan **MISI** Gereja kita, anda digalakkan untuk bertemu dengan mana-mana ahli-ahli **TIM PASTORAL** untuk mendapat maklumat lanjut.

Untuk menjadi **AHLI BERDAFTAR GEREJA**, sila isi **BORANG PENDAFTARAN** yang boleh didapati daripada para penyambut tetamu. **Menjadi ahli Gereja adalah sangat penting untuk semua orang Kristian.**

PEMBERIAN KEPADA DANA-DANA GEREJA

Sekiranya anda dipanggil Tuhan untuk memberi dengan murah hati kepada mana-mana dana-dana Gereja kita, anda boleh melakukannya secara tunai atau cek melalui sampul surat yang tersedia, menggunakan kod-kod QR di bawah atau atas talian ke akaun bank Gereja kita seperti yang tertera di bawah. Tuhan kita bersuka cita dengan sesiapa yang memberi dengan murah hati.

TABUAN JAYA ANGLICAN CHURCH

No. 262, Lorong Song 1, Tabuan Heights, 93350 Kuching, Sarawak, MALAYSIA.
 Tel: 082-369333 / 504372 Tel. Bimbit: 013-8383436 Emel: office@tjac.org.my
 Laman web: www.tjac.org.my Facebook: tjackuching Instagram: tabuanjayaanglican
 Vicar: The Revd Richard Chang Paderi: The Revd. Lawrence Wah Onn, The Revd Ron Bunchol
 Sub-Deacon: Helen Chan, John Cheong, Irvin Lim, Gabriel Henry, Frank Jitab, Yap Min Su

			
			
Dana Bangunan Gereja	Dana Misi	Pemberian Hari Minggu	Persepuluhan

AKAUN BANK DANA AM GEREJA

 Public Bank
 3207398133

 Sila hantar slip bank ke Pejabat Gereja melalui WhatsApp di 013-8383436 dan nyatakan tujuan transaksi itu.

DIOCESE OF KUCHING



TABUAN JAYA ANGLICAN CHURCH



VISI

MENJANGKAUI untuk KRISTUS seluas-luasnya bermula daripada Tabuan Jaya

MISI

Membina satu KOMUNITI KRISTIAN yang MENGASIHI dan MENGENALI KRISTUS dan berusaha untuk MEMBERITAKAN DIA kepada ORANG LAIN

TEMA 2025

ANJAKAN KE KEMANTAPAN DALAM KRISTUS (IBRANI 6:1)

UNGGU	MINGGU ADVEN KE 2	7 DISEMBER 2025
PENGUCAPCARA	The Revd. Ron Bunchol	
PENGKHUTBAH	The Revd. Lawrence Wah Onn	
PERJANJIAN LAMA	Yesaya 11:1-10	Sdri Helen Jungkin
PERJANJIAN BARU	Roma 15: 4-13	Sdri Liba Bikoi
INJIL	Matius 3:1-12	Reader Gabriel Henry Ajin
PENDOA SYAFAAT	Sdri Lindon Jambu	

DOA RINGKAS HARI INI

Tuhan Allah, kami berdoa semoga kuasa-Mu diangkat, serta mengurapi kami, dan dengan kuasa-Mu yang besar, bantuilah kami, supaya walaupun dosa dan kejahatan yang menghindar kami untuk berlari menuju ke garis penamat, kami akan dibantu dan dibebaskan dengan secepat mungkin oleh kasih-Mu, melalui Yesus Kristus Anak-Mu Tuhan kami, kepada-Mu dan Roh Kudus, kehormatan dan kemuliaan, sekarang dan selama-lamanya. Amin.

DOA SELEPAS PERJAMUAN

Bapa kami yang di syurga, yang telah mengutuskan Anak-Mu untuk menyelamatkan dunia, dan akan mengutuskan Dia buat kali kedua untuk menghakimi kami. Berkatilah kami supaya kami dapat mengikuti teladanNya, dalam kerendahan hati dan kesucian kedatangan-Nya yang pertama, supaya, apabila Dia datang semula, kami bersedia untuk menerimanya dengan gembira dan iman yang kuat, melalui Yesus Kristus Tuhan kami. Amin.

SELAMAT DATANG KE GEREJA ANGLIKAN TABUAN JAYA

Selamat datang kepada semua yang bersama kita menyembah Tuhan hari ini, lebih-lebih lagi bagi mereka yang datang buat pertama kali.

SELAMAT HARIJADI

Selamat Harijadi kepada saudara seiman dalam Kristus yang lahir pada bulan Disember, Semoga Tuhan memberkati anda dengan kesihatan yang baik dalam tubuh dan minda, dan semoga rahmat-Nya melimpah dalam hidup anda.

KEBAKTIAN GABUNGAN TAHUNAN KRISMAS (ACS) 2025

Persatuan Gereja-Gereja di Sarawak(ACS) dengan sukacitanya menjemput anda ke Kebaktian Gabungan Tahunan Krismas 2025. Marilah kita berkumpul sebagai satu komuniti dalam perayaan penuh sukacita menyambut kelahiran Kristus, merenungkan mesej-Nya tentang harapan, kasih, dan damai.

Tarikh: **18 Disember 2025 (Khamis)**

Masa : **7:30 malam**

Tempat: **ACS Christian Ecumenical Worship Center, Jalan Stampin, Kuching.**

GOTONG ROYONG

Sempena menyambut perayaan Krismas, kita akan mengadakan gotong royong membersihkan dalam dan luar bangunan gereja pada **20 Disember 2025 (Sabtu)** mulai jam **8.30 pagi**. Kawasan yang akan di ambil perhatian ialah dewan utama, galeri di tingkat satu, chapel, dapur, bilik air, tangga, meja persembahan dan kawasan sekitar.Semua ahli digalak menyertai aktiviti ini. Sila bawa bersama kain, baldi, dan apa jua untuk membersihkan kawasan Gereja. Semua ahli digalak menyertai aktiviti ini. Sila bawa bersama lain, baldi, dan apa jua untuk menyuci dan membersihkan kawasan kawasan tersebut. Terima kasih

JAMUAN KRISMAS UNTUK KANAK-KANAK BMSC

Jamuan Krismas akhir tahun kanak-kanak sekolah minggu akan diadakan pada **21 Disember 2025** di Sekolah Minggu tingkat 2. Hari itu adalah sesi terakhir sekolah minggu untuk tahun 2025. Sesi baru akan bermula pada 11 Januari 2026. Diharapa kan semua ibu bapa dapat menghantar anak-anak untuk sama-sama meraikan majlis ini. Jamuan adalah percuma

PROGRAM LOVE-IN-A-BOX

Program tahunan belia, "Love-In-A-Box" kini bermula. Program ini dijalankan bersama Victory Community Link. Sertailah belia kita untuk menyebarkan kegembiraan kepada kanak-kanak dan para belia yang kurang berkemampuan dalam kalangan kita. Sumbangan anda mampu memberi impak yang besar. Untuk maklumat lanjut, sila kunjungi meja Love-In-A-Box di hadapan gereja selepas kebaktian Ahad tamat - sumbangan anda amatlah berharga. Terima kasih atas kemurahan hati anda.



KEBAKTIAN SEMPENA KRISMAS DAN TAHUN BARU

24 Disember 2025 Kebaktian malam Krismas: 8:00 malam (servis gabungan)

25 Disember 2025 Kebaktian Hari Krismas : 8:00 pagi.(BMSC)

JAMUAN HARI KRISMAS

Semua dijemput ke jamuan ringan Hari Krismas pada 25 Disember 2025 di Parish House sejurus selepas Kebaktian tamat.

1 Januari 2026 Kebaktian Tahun Baru: 9:00 pagi. (servis gabungan)



IKRAR PEMBIAYAAN 3 PROJEK PENINGKATAN DI TJAC

TJAC sudah menubuhkan Tabung Ikrar untuk melaksanakan 3 projek peningkatan iaitu:

1. pembinaan awning di beranda (lobi),
2. pembinaan bumbung dari beranda (lobi) ke Parish House,
3. mengubah suaian Chapel.

Jumlah dana yang diperlukan adalah RM120,000.

Sila isi dan serahkan Borang Ikrar, dan bayaran wang tunai ke dalam sampul surat dan tuliskan perkataan "Projek" serta Nama anda pada sampul tersebut. Letakkan sampul surat tersebut ke dalam Kotak yang disediakan. Pembayaran dalam talian juga boleh dibuat ke Akaun Public Bank TJAC No. 3207398133. Bayaran boleh dibuat sekarang

Jumlah Ikrar diterima sampai 30 November ; RM49,491.00. Kutipan sebenar; RM45,410.00

***Sila ambil perhatian; pagar Gereja ditutup pada pukul 10:00malam setiap malam**



**Tolong senyapkan telefon bimbit anda semasa Kebaktian.
Terimakasih atas kerjasama anda semua**